

USAH KETERLALUAN MERATAPI PEMERGIAN INSAN TERSAYANG

Oleh: Nur-Syafiqqa Binti Me, 1171072

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia

Disiarkan pada 2 April 2020



Dalam kehidupan tiada yang abadi kerana setiap yang datang selalu berakhir dengan ucapan selamat tinggal. Tiada siapa pun yang mampu mengubah hakikat bahawa setiap yang hidup pasti akan mati.

Jiwa manakah yang tidak berasa sedih apabila kehilangan orang yang disayangi? Hati manakah yang tidak terpukul apabila seseorang yang selalu bersama kita tiba-tiba pergi dan tidak kembali?

Perasaan itu pernah saya alami ketika mendengar khabar tentang kematian sahabat baik sendiri.



Semasa peristiwa itu berlaku, saya sedang mengikuti pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia. Sebelum dia meninggal dunia, kami berbual melalui telefon seperti biasa dan tiada yang aneh kedengaran pada tutur katanya.

Lima hari menjelang cuti semester, saya menerima panggilan telefon daripada kakak sahabatku itu. Dia menyatakan bahawa sahabatku terpaksa dihantar ke hospital kerana muntah-muntah.

Pada mulanya saya menyangka dia tersalah makan namun andaian itu meleset. Doktor tidak dapat mengesahkan apa penyakitnya dan dia perlu menjalani prosedur tebukan lumbar terlebih dahulu.

Prosedur itu dilakukan untuk mendapatkan sampel air saraf atau cecair selaput otak yang sering disebut sebagai air tulang belakang. Setelah menjalani prosedur tersebut, doktor mengesahkan sahabatku menghidap meningitis.

Setelah mendengar perkara itu, saya terus pulang untuk melihat sendiri keadaan sahabatku. Ketika melihat tubuhnya yang lemah, saya hanya mampu berdoa agar Allah SWT memberi kesembuhan kepadanya.

Saya cuba menggagahkan diri dengan berpura-pura ceria di depannya. Namun, hanya Allah SWT yang tahu betapa sedihnya saya ketika itu. Amat sukar untuk menahan air mata saya daripada menitis.

Selepas menunaikan solat zuhur, panggilan daripada kakaknya menyebabkan jiwa saya terasa kosong dan bumi seolah-olah berhenti. Sahabatku akhirnya dijemput pulang menghadap Ilahi.

Walaupun hakikat itu perit untuk ditelan, dia telah pergi meninggalkan dunia yang fana ini sekali gus menginsafkan saya bahawa kematian itu sesuatu yang benar. Maut datang tanpa mengira usia, pangkat serta di mana kita berada.

Seperti maksud hadis riwayat Bukhari: “Sesungguhnya kepunyaan Allah segala yang telah diambil dan kepunyaan-Nya segala yang telah diberi dan bagi setiap sesuatu di sisi-Nya mempunyai tempoh yang tertentu. Bersabarlah dan harapkan pahala daripada Allah.”

Bagaimanakah pula dengan kita yang masih tinggal, adakah kita memilih untuk meratap kesedihan atau meneruskan kehidupan seperti biasa? Jawapan itu bergantung pada individu itu sendiri.

Bagi yang memilih untuk meneruskan kehidupan, ia bukan bermakna mereka melupakan terus orang yang telah pergi. Sebaliknya, mereka bersikap reda dengan ketentuan Allah SWT.

Timbul pula persoalan adakah kita tidak boleh menangis langsung? Kita semua tahu fitrah manusia apabila ditimpa kesedihan. Rasa sedih dan hiba pasti bertandang di jiwa lantas menyebabkan air mata bercucuran membasahi pipi.

Namun, sebagai umat Islam, kita tidak sepatutnya bersikap keterlaluhan ketika meratapi pemergian orang yang kita sayangi. Perbuatan sedemikian boleh menyebabkan kita dilihat seolah-olah tidak dapat menerima takdir yang ditentukan Allah SWT.

Hayatilah firman Allah SWT dalam ayat 139, surah Ali Imran yang bermaksud, “Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah (pula) kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya), jika kamu orang-orang yang beriman”.